

TAWARAN B

Sarjana Perubatan Sesi Akademik 2023/ 2024

Permohonan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan bagi Pegawai Perubatan Lantikan Tetap dan Program Latihan Kepakaran dengan Biasiswa Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Pegawai Perubatan Lantikan Kontrak

Permohonan Tawaran B ini terbuka kepada semua Pegawai Perubatan Lantikan Tetap dan Lantikan Kontrak di Kementerian Kesihatan Malaysia yang memenuhi syarat-syarat permohonan.

**SARJANA PERUBATAN
SESI AKADEMIK 2023/ 2024**

**TAWARAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI PEGAWAI PERUBATAN
LANTIKAN TETAP DAN PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN DENGAN BIASISWA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI PEGAWAI PERUBATAN
LANTIKAN KONTRAK**

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. PEGAWAI YANG LAYAK MEMOHON:

PEGAWAI PERUBATAN LANTIKAN TETAP

- 1.1. Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan; atau
- 1.2. Pegawai Perubatan KKM Lantikan Kontrak **sebelum 1 Januari 2019 yang dilantik tetap sehingga 31 Disember 2022 tetapi belum disahkan dalam perkhidmatan** pada tarikh tutup permohonan; atau

PEGAWAI PERUBATAN LANTIKAN KONTRAK

- 1.3. Pegawai Perubatan KKM lantikan kontrak di bawah Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (SPKSU) Bil 4/2016 dan masih dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan; atau
- 1.4. Pegawai Perubatan KKM lantikan kontrak yang mendapat tawaran kesinambungan perkhidmatan bagi persediaan pengajian kepakaran seperti yang diperuntukkan dalam surat edaran Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) rujukan KKM-500-8/1/20 Jld. 8 (11) bertarikh 5 Januari 2022; atau
- 1.5. Pegawai Perubatan KKM lantikan kontrak **sehingga 31 Disember 2019** yang menjalani Latihan Siswazah atau *Housemanship* di luar negara;

2. SYARAT- SYARAT AM

- 2.1. Telah berdaftar **penuh** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);
- 2.2. Pegawai perlu mendapat keputusan *Medical Specialist Pre-Entrance Exam (MedEx)/ Entrance Exam* yang memuaskan tertakluk kepada bidang yang dimohon atau pegawai telah mendaftar untuk menduduki *MedEx* pada November/ Disember 2022 (hanya pegawai yang mencapai keputusan yang ditetapkan mengikut bidang akan dipanggil untuk saringan temu duga);

- 2.3. Mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** selepas pendaftaran penuh;
- 2.4. Telah berkhidmat dengan KKM sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** (termasuk latihan siswazah) dan dilantik pada/ sebelum **1 Januari 2019**;
- 2.5. Berumur tidak melebihi **43 tahun** pada **tarikh tutup permohonan (tertakluk kepada syarat khusus bidang)**;
- 2.6. Lulus Bahasa Melayu termasuk Ujian Lisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
- 2.7. Pegawai perlu mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang daripada 85% bagi mana-mana tiga (3) tahun yang tertinggi daripada lima (5) tahun terakhir perkhidmatan pegawai (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun);
- 2.8. Pengecualian penilaian genap 12 bulan bagi tahun penilaian diberikan kepada Pegawai wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anak tidak melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2014;
- 2.9. Pengecualian penilaian genap 12 bulan untuk pengiraan purata LNPT diberikan kepada Pegawai Lantikan Kontrak yang menjalani Latihan Siswazah atau *Housemanship* di luar negara (Lantikan sehingga 31 Disember 2019);
- 2.10. Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
- 2.11. Tidak pernah gagal atau menarik diri daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia;
- 2.12. Tidak pernah menolak tawaran program Sarjana yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia dalam tempoh dua (2) tahun yang lepas;
- 2.13. Bebas/ bersih daripada sebarang pertuduhan, prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/ atau dalam proses dakwaan Mahkamah;
- 2.14. Pegawai dikehendaki membuat perakuan mengenai status kesihatan masing-masing. Masalah kesihatan tertentu boleh menyebabkan pegawai tidak dapat memenuhi tanggungjawab profesional dan peribadinya, dan seterusnya boleh menyebabkan pegawai tidak dapat mengamal dengan selamat disebabkan oleh penyakit fizikal atau mental;
- 2.15. Bagi pegawai yang mempunyai masalah kesihatan seperti di **Lampiran A**, kesesuaian untuk diterima menjalani latihan kepakaran akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi Bidang Kepakaran masing-masing. Pegawai perlu mengemukakan laporan perubatan dari pakar perubatan Kerajaan untuk mengesahkan status kesihatan dan rawatan terkini;

- 2.16. Telah mengisytiharkan harta;
- 2.17. Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar atau peminjam yang disenaraihitamkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain;
- 2.18. Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang secara sepenuhnya;

3. SYARAT-SYARAT KHUSUS MENGIKUT BIDANG

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
1.	Obstetrik dan Ginekologi	<ul style="list-style-type: none"> i. Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan dari Universiti atau kelayakan perubatan setaraf dengannya yang diluluskan oleh Senat; ii. Sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat; iii. Berumur 40 tahun dan ke bawah; iv. Layak untuk pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50) di Malaysia; dan v. LULUS Peperiksaan MedEx dan temuduga yang ditetapkan.
2.	Anestesiologi	Pegawai telah menduduki peperiksaan MedEx dalam bidang Anestesiologi dalam tempoh 3 tahun (sebelum tahun tawaran kemasukan ke universiti).
3.	Pediatrik	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai pernah menduduki MedEx dalam bidang Pediatrik dengan keputusan masih sah iaitu dalam tempoh tiga (3) tahun (sebelum tahun tawaran kemasukan ke Universiti); dan ii. Pegawai perlu LULUS penilaian kemasukan (<i>Entrance Exam</i>) dan temuduga yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Kepakaran Kanak-kanak.

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
4.	Perubatan Dalaman	i. Calon mestilah mempunyai sijil ujian kemasukan (<i>Entrance Exam/ MedEx</i>) yang dalam tempoh laku sah iaitu dalam tempoh tiga (3) tahun (sebelum tahun tawaran kemasukan ke Universiti); atau mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya peperiksaan MRCP Bahagian 1 yang sah.
5.	Psikiatri	<p>Mandatori:</p> i. Kemahiran Profesional - Dokumentasi lengkap <i>Entrance Examination Learning Activities (ELA)</i> beserta penilaian <i>Workplace-based (WBA)</i> yang berkaitan Penilaian Kemasukan; ii. Sijil MedEx ATAU Slip Keputusan dari kolej luar yang diiktiraf (sebagai contoh: Peperiksaan Bahagian A atau Bahagian B <i>Royal College of Psychiatry (RCPsych)</i>); iii. Lulus temuduga bagi kemasukan program. <p>Keperluan:</p> iv. Pengalaman klinikal - Pengalaman dalam merawat kes-kes psikiatri yang lazim seperti penyakit psikosis, <i>mood</i> dan <i>anxiety</i> sewaktu bertugas di jabatan psikiatri atau pengalaman yang diperolehi sewaktu bertugas di pusat kesihatan primer bersama Pakar Perubatan Keluarga; v. Lain-lain - menghadiri kursus persediaan dalam psikiatri, konferen atau bengkel psikiatri, menjalankan penyelidikan/ audit dan/atau menerbitkan artikel yang berkaitan psikiatri.
6.	Radiologi	i. Sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman klinikal selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan yang diluluskan oleh Senat. Pengalaman di dalam bidang Radiologi adalah amat digalakkan; ii. Pengetahuan klinikal dan Kemahiran Profesional: Boleh melaksanakan tugas seperti yang termaktub di dalam penilaian <i>Examination Learning Activities (ELA)</i> ;

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<ul style="list-style-type: none"> iii. Pegawai pernah menduduki MedEx dalam bidang Radiologi dan lulus dengan keputusan masih sah iaitu dalam tempoh tiga (3) tahun (sebelum tahun tawaran kemasukan ke Universiti); iv. Hanya pegawai yang LAYAK (melempi merit minima yang ditetapkan) akan dipanggil untuk Temuduga dan Penilaian OSCE yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Bersama Kepakaran Perubatan Radiologi. Pegawai perlu lulus penilaian saringan dan temuduga kemasukan program; v. Mengemukakan laporan sokongan dari dua Penyelia / Ketua Program (penilaian perlu menekankan aspek pengetahuan Am dan Essential Learning Activities pegawai); vi. Memahami skop tugas Radiologi sebagai satu bidang Kepakaran dan mempunyai komitmen yang kukuh terhadap bidang Radiologi; vii. Mempunyai pengalaman di dalam menjalankan penyelidikan/ audit .
7.	Surgeri Am	<ul style="list-style-type: none"> i. Berumur tidak melebihi 38 tahun pada tarikh tutup permohonan; ii. Pegawai pernah menduduki MedEx dalam bidang Surgeri dengan keputusan masih sah (iaitu dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum tahun tawaran kemasukan ke Universiti); iii. Pegawai perlu menjalani proses temuduga yang dikendalikan oleh panel temuduga dari Jawatankuasa Kepakaran Surgeri Am; iv. Pegawai perlu sihat tubuh badan dari segi mental dan fizikal, laporan perubatan perlu disertakan jika anda mempunyai sebarang penyakit atau limitasi mental atau fizikal; v. Untuk menjamin kesihatan pesakit sentiasa dilindungi, pegawai yang mengidap penyakit HIV, Hepatitis B dan Hepatitis C dianjurkan TIDAK memohon bidang Surgeri Am.

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
8.	Oftalmologi	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai perlu LULUS Basic Science Examination (Oftalmologi) dalam tempoh 5 tahun dan ia masih sah pada tahun 2022; atau ii. Minima Band 4 dalam MedEx (Ophthal); atau iii. Bagi calon yang telah mendaftar bagi MedEx (Ophthal) Oktober 2022, hanya calon yang memenuhi syarat (ii) sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
9.	Ortopedik	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai perlu mempunyai sekurang kurangnya enam (6) bulan pengalaman dalam bidang Ortopedik sebagai Pegawai Perubatan; dan ii. Pemilihan muktamad adalah pegawai yang telah berjaya dalam MedEx dan perlu menduduki penilaian OSCE yang dikendalikan oleh Jawatankuasa <i>Selection of Postgraduate Orthopaedic Trainee</i> (SPORT) di bawah <i>Orthopaedic Specialty Committee</i> (OSC).
10.	Otorinolaringologi	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai pernah menduduki MedEx dalam bidang Otorinolaringologi dengan keputusan masih sah dalam tempoh tiga (3) tahun , tetapi syarat lulus bukan syarat wajib kemasukan; ii. Pegawai perlu menjalani proses temuduga yang dikendalikan oleh panel temuduga dari Jawatankuasa Kepakaran Bersama Kepakaran Otorinolaringologi; dan iii. Pegawai perlu sihat tubuh badan dari segi mental dan fizikal, laporan perubatan perlu disertakan jika pegawai mempunyai sebarang penyakit atau limitasi mental atau fizikal.
11.	Patologi	Pegawai perlu menduduki MedEx dalam bidang patologi.
12.	Perubatan Keluarga	Pegawai perlu menduduki MedEx dan lulus sekurang-kurangnya Band 4.
13.	Kesihatan Awam/ Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai telah berdaftar dalam Program Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam sebelum tarikh siaran Iklan Tawaran ini;

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<ul style="list-style-type: none"> ii. Pegawai perlu melengkapkan Buku Log Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam; iii. Pegawai perlu dicadangkan oleh Mentor yang dilantik (iaitu seorang pakar Perubatan Kesihatan Awam) dan cadangan dikemukakan dalam Buku Log Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam KKM; dan iv. Pegawai perlu menduduki/ pernah menduduki peperiksaan MedEx untuk bidang Kesihatan Awam dan lulus peperiksaan MedEx (dengan keputusan masih sah dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum tahun tawaran kemasukan ke Universiti).
14.	Perubatan Sukan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai perlu menduduki peperiksaan MedEx untuk bidang Perubatan Sukan dan keputusan masih sah dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum tahun tawaran kemasukan ke universiti; ii. Hanya pegawai yang layak (melempi merit minima yang ditetapkan dan sekurang-kurangnya keputusan MedEx di tahap Band 4) akan dipanggil untuk sesi penilaian saringan (OSCE) dan temuduga yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Bersama Kepakaran Perubatan Sukan. Pegawai perlu lulus penilaian saringan (OSCE) dan temuduga kemasukan program; dan iii. Pengalaman bertugas dalam bidang perubatan sukan adalah sangat digalakkan.
15.	Perubatan Pemulihan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai perlu menduduki peperiksaan MedEx untuk bidang Perubatan Pemulihan (dengan keputusan masih sah dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum tahun tawaran kemasukan ke Universiti); ii. Hanya pegawai yang LAYAK (melempi merit minima yang ditetapkan) akan dipanggil untuk Temuduga dan Penilaian OSCE yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Bersama Kepakaran Perubatan Pemulihan; dan iii. Mempunyai sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan pengalaman dalam bidang perubatan pemulihan sebagai Pegawai Perubatan.

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
16.	Perubatan Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai perlu menduduki peperiksaan MedEx untuk bidang Perubatan Kecemasan (dengan keputusan masih sah dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum tahun tawaran kemasukan ke Universiti); ii. Hanya pegawai yang LAYAK (melempi merit minima yang ditetapkan) akan dipanggil untuk Temuduga dan Penilaian OSCE yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Bersama Kepakaran Perubatan Kecemasan; dan iii. Mempunyai sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan pengalaman dalam bidang perubatan kecemasan sebagai Pegawai Perubatan.
17.	Neurosurgeri	<ul style="list-style-type: none"> i. Telah lulus MedEx sekurang-kurangnya Band 4 dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum tarikh tutup permohonan memasuki program; ii. Memenuhi semua syarat kemasukan ke dalam universiti yang menawarkan program kepakaran Neurosurgeri; dan iii. Lulus kedua-dua saringan temuduga yang dijalankan oleh bidang Neurosurgeri KKM dan universiti yang menawarkan program kepakaran Neurosurgeri.
18.	Plastik Surgeri	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai pengalaman didalam bidang pembedahan selama dua (2) tahun sebagai pegawai perubatan [18 bulan didalam bidang pembedahan am dan enam (6) bulan di dalam lain-lain cabang pembedahan atau kecemasan]; ii. Lulus penilaian kemasukan dalam bentuk temuduga.; dan iii. Lulus peperiksaan pra-kemasukan (MedEx) dengan sekurang-kurangnya Band 4. (Untuk kemasukan bermula 2024).
19.	Klinikal Onkologi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman klinikal selepas tamat <i>housemanship</i> termasuk enam (6) bulan dalam disiplin perubatan dan enam (6) bulan dalam disiplin pembedahan, dan melakukan tugas atas panggilan secara aktif;

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<ul style="list-style-type: none"> ii. Tempoh sah pengalaman seperti yang dinyatakan di perkara (ii) adalah lima (5) tahun sebelum tawaran; iii. Pegawai lulus peperiksaan MedEx (Onkologi) dan sah untuk tiga (3) tahun sebelum tawaran; dan iv. Pegawai lulus temuduga yang dikendalikan oleh ahli panel temuduga Ijazah Sarjana Onkologi Klinikal.
20.	Pembedahan Kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai pernah menduduki MedEx dalam bidang Surgeri Pediatrik (Pembedahan Kanak-kanak) dengan keputusan masih sah iaitu dalam tempoh tiga (3) tahun (sebelum tahun tawaran kemasukan ke Universiti); dan ii. Mempunyai pengalaman klinikal yang relevan selama sekurang-kurangnya dua (2) tahun selepas pendaftaran penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Pengalaman ini merangkumi pengalaman bekerja dalam jurusan kepakaran pembedahan dan pediatrik perubatan; b. Tempoh minima selama (6) enam bulan dalam jurusan pembedahan am (Surgeri Am); dan iii. Pegawai perlu LULUS penilaian kemasukan (Entrance Evaluation) dan temuduga yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Kepakaran Pembedahan Kanak-kanak.
21.	Perubatan Transfusi	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai perlu menduduki MedEx dalam bidang Perubatan Transfusi dan lulus sekurang-kurangnya Band 4; ii. Hanya pegawai yang layak (melempi merit minimum yang ditetapkan) akan dipanggil untuk sesi temuduga; iii. Pegawai perlu lulus temuduga untuk memasuki program ini.

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
22.	Perubatan Nuklear	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai perlu mempunyai sekurang-kurangnya DUA (2) tahun pengalaman klinikal sebagai pegawai perubatan berdaftar penuh. Klinikal posting di Perubatan Nuklear atau Radiologi merupakan kelebihan tambahan; ii. Pegawai perlu LULUS penilaian kemasukan MedEx (Perubatan Nuklear) dengan gred minima yang ditentukan oleh panel temuduga Ijazah Sarjana Perubatan Nuklear dan keputusan sah untuk TIGA (3) tahun sebelum tawaran; dan iii. Pegawai perlu LULUS temuduga yang dikendalikan oleh panel temuduga Ijazah Sarjana Perubatan Nuklear.
23.	Forensik	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai pernah menduduki MedEx dalam bidang Patologi dengan keputusan masih sah iaitu dalam tempoh tiga (3) tahun (sebelum tahun tawaran kemasukan ke Universiti); dan ii. Pegawai perlu LULUS temuduga yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Latihan Pascasiswazah M.Path (Forensik); dan iii. Pegawai yang pernah atau sedang bertugas di Jabatan atau Unit Perubatan Forensik sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan melengkapkan logbook minima 50 kes.

KAEDAH PENGAJIAN

1. Kaedah pengajian adalah seperti berikut:

1.1 Sistem Bersepadu

Menjalani latihan klinikal melalui konsep pusingan penempatan (rotational attachment) sepanjang tempoh pengajian selama empat (4) tahun di Fasiliti KKM dan Universiti Awam (UA) dengan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Pegawai Lantikan Tetap **atau** Pelepasan Khas bagi mengikuti Program Latihan Kepakaran (PLK) dengan Biasiswa KKM bagi Pegawai Lantikan Kontrak.

BIDANG PENGAJIAN

1. Bidang yang ditawarkan adalah seperti berikut (tertakluk kepada perubahan):
 - 01 - Obstetrik & Ginekologi
 - 02 - Anestesiologi
 - 03 - Pediatrik
 - 04 - Perubatan Dalaman
 - 05 - Psikiatri
 - 06 - Radiologi
 - 07 - Surgeri Am
 - 08 - Oftalmologi
 - 09 - Ortopedik
 - 10 – Otorinolaringologi
 - 11 - Patologi
 - 12 - Perubatan Keluarga
 - 13 - MPH/ DrPH Kesihatan Awam
 - 14 - Perubatan Sukan
 - 15 - Perubatan Pemulihan
 - 16 - Perubatan Kecemasan
 - 17 - Neurosurgeri
 - 18 - Plastik Surgeri
 - 19 - Klinikal Onkologi
 - 20 - Pembedahan Kanak-kanak
 - 21 - Perubatan Transfusi
 - 22 - Perubatan Nuklear
 - 23 - Forensik

TAWARAN PROGRAM SARJANA PERUBATAN

1. Tawaran program Sarjana Perubatan dengan HLP atau Biasiswa KKM adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - 1.1 Hanya Pegawai yang **layak tapisan KKM** akan dipertimbangkan untuk mengikuti Program Sarjana Perubatan. **Pegawai yang tidak memohon atau melepasi tapisan KKM** walaupun telah ditawarkan tempat pengajian di Universiti Awam **tidak akan dipertimbangkan** untuk sebarang **kemudahan penajaan di bawah KKM**;
 - 1.2 KKM berhak menentukan penempatan latihan bagi pegawai yang mengikuti latihan secara Sistem Bersepadu di mana-mana hospital KKM yang diiktiraf oleh Universiti Awam sebelum pengajian sepenuh masa di universiti;
 - 1.3 Surat tawaran hanya dikeluarkan kepada pegawai yang berjaya sahaja oleh BPL, KKM melalui Ketua Jabatan masing-masing (Pengarah Kesihatan Negeri/ Hospital/ Institusi/ Bahagian). **Tawaran yang dikeluarkan oleh BPL sahaja dianggap sah untuk mengikuti program Sarjana Perubatan ini**;

- 1.4 Pegawai yang menolak tawaran ini akan **dikenakan penalti dua (2) tahun** iaitu tidak boleh memohon kemasukan bagi Program Sarjana Perubatan dalam tempoh berkenaan;
- 1.5 Tempoh masa yang dibenarkan untuk pegawai menarik diri dari pengajian dan dikecualikan dari penalti adalah selama **(1) satu bulan** sahaja selepas memulakan pengajian. **Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai telah menerima segala elaun/ kemudahan seperti elaun perpindahan atau tuntutan kargo, pegawai hendaklah membayar semula semua jumlah yang telah diterima; dan**
- 1.6 Pegawai tidak dibenarkan untuk menarik diri setelah menandatangani kontrak perjanjian. Pegawai adalah tertakluk kepada Kontrak Perjanjian yang berkuatkuasa dan akan **dikenakan penalti/ ganti rugi sejumlah RM350,000.00 sekiranya gagal dalam tempoh pengajian atau melanggar mana-mana syarat perjanjian penajaan HLP atau PLK.**

CARA UNTUK MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL secara dalam talian (*online*) menerusi sistem Sistem Permohonan e-HLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>).
2. Dokumen-dokumen berikut hendaklah dibawa bersama semasa sesi temuduga yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti (**bagi pegawai yang telah berjaya melepasi tapisan pertama**):
 - 2.1 Satu (1) salinan Borang KKM/HLP-SARJANA PERUBATAN/DALAM NEGARA (borang permohonan *online*) yang telah dilengkapi dengan segala maklumat diri dan perkhidmatan telah disahkan oleh Ketua Jabatan (Pegawai Kesihatan Negeri/ Hospital/ Institusi/ Bahagian sahaja);
 - 2.2 Laporan Penyokong 1 dan Laporan Penyokong 2;
 - 2.3 Satu (1) salinan **Kenyataan Perkhidmatan** yang telah dikemaskini dan disahkan;
 - 2.4 Satu (1) salinan **Surat Pengesahan Jawatan** daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) (**Pegawai Lantikan Tetap Sahaja**);
 - 2.5 Satu (1) salinan **Surat Lantikan Kontrak terkini** daripada KKM (**Pegawai Lantikan Kontrak Sahaja**);
 - 2.6 Satu (1) salinan **Sijil Pendaftaran Penuh** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM); **dan**
 - 2.7 Dokumen sokongan yang lain (contoh : Salinan Kad Pengenalan, sijil SPM, sijil-sijil dan transkrip).

PERINGATAN PENTING KEPADA SEMUA PEGAWAI

1. Permohonan Tawaran B bagi Sesi Akademik Tahun 2023/2024 adalah secara dalam talian sepenuhnya menerusi Sistem Permohonan e-HLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). Permohonan dibuka mulai **31 Oktober 2022** hingga **30 November 2022**.
2. Pemohon dinasihatkan untuk **merujuk kepada Unit Sumber Manusia** terlebih dahulu sebelum membuat pengisian maklumat perkhidmatan seperti lantikan, LNPT dan Cuti Tanpa Gaji/ Cuti Separuh Gaji kerana jika **pengisian tidak tepat menyebabkan permohonan [TIDAK BERJAYA]**. Pegawai boleh merujuk Lampiran I sebagai rujukan Unit Sumber Manusia yang menjaga Buku Rekod Perkhidmatan. (Sila hubungi pihak urus setia jika Unit Sumber Manusia tiada dalam sistem e-HLP)
3. Permohonan akan melalui Unit Sumber Manusia bagi tujuan pengesahan maklumat sebelum dipanjangkan kepada Ketua Jabatan.
4. Sekiranya kesemua maklumat telah diperakui oleh Unit Sumber Manusia, notifikasi permohonan akan dihantar melalui emel kepada Ketua Jabatan. Pemohon boleh menyemak status penghantaran permohonan secara berkala bagi mengetahui status semasa permohonan anda.
5. Permohonan yang **tidak diambil tindakan pengesahan dan tidak dihantar selepas tarikh tutup pengesahan akan dikemaskini secara automatik kepada [TIDAK BERJAYA]** dan catatan keputusan dipaparkan kepada pemohon **sebagai 'Tiada tindakan pengesahan maklumat oleh Unit Sumber Manusia'**.
6. Sila pastikan emel Ketua Jabatan adalah betul kerana emel ini akan digunakan untuk penghantaran pautan sokongan.
7. Pemohon dinasihatkan untuk membuat *follow up* dengan Ketua Jabatan sekiranya permohonan belum diambil tindakan sokongan.
8. Permohonan yang **tidak diambil tindakan sokongan dan tidak dihantar selepas tarikh tutup sokongan akan dikemaskini secara automatik kepada [TIDAK BERJAYA]** dan catatan keputusan dipaparkan kepada pemohon sebagai **'Tiada tindakan sokongan permohonan oleh Ketua Jabatan'**.
9. Tarikh-tarikh penting adalah seperti berikut (tertakluk kepada pindaan):

BIL.	PERKARA	TARIKH
i.	Tempoh permohonan dibuka di laman sesawang Sistem Permohonan eHLP KKM (http://ehlp.moh.gov.my)	31 Oktober 2022 hingga 30 November 2022
ii.	Urusan temu duga	Jan/ Februari 2023
iii.	Semakan keputusan tawaran di laman sesawang Sistem Permohonan eHLP KKM (http://ehlp.moh.gov.my)	April/ Mei 2023

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN / PENYELIA

1. Ketua Jabatan/ Penyelia adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi **sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan**. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/ Penyelia **untuk memperakukan pegawai yang benar-benar sesuai, berkelayakan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan**.
2. Ketua Jabatan/ Penyelia adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan pada tahun 2023/ 2024 kelak. Sekiranya kesemua pegawai yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan mengikuti Program Kepakaran ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki memberi pelepasan kepada mereka untuk menjalani pengajian.
3. Bahagian Pengurusan Latihan, KKM berhak membatalkan permohonan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

SEBARANG PERTANYAAN BERHUBUNG PERMOHONAN TAWARAN B UNTUK MENGIKUTI PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN SECARA SEPENUH MASA,

SILA HUBUNGI:

**Urus setia Tawaran B, Program Kepakaran 1,
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Telefon: 03-8885 0694
emel: ehlp@moh.gov.my**

JENIS-JENIS PENYAKIT

- a. Penyakit Mental (*Mental illness*);
- b. Penyakit Sistem Saraf (Strok, *Dementia*) [*Neurological Illness, (Cerebrovascular Accident, Dementia)*];
- c. Penyalahgunaan dan ketagihan dadah (*Substance abuse and dependence*);
- d. Ketidakupayaan fizikal atau kurang upaya (*Physical disabilities or handicap*);
- e. Masalah perubatan, termasuk yang berkaitan penuaan dan jangkitan yang kronik (*Medical conditions, including those related to ageing and chronic infections*);
- f. Lain-lain masalah perubatan yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamal (*Any other conditions which may give rise to impairment to practitioners*).

Sumber rujukan: *Managing Impaired Registered Medical Practitioners, Guideline of the Malaysian Medical Council, MMC Guideline 001/2010